

Kerjasama, Muafakat Penting Untuk Jayakan ESSCOM - Najib Bernama
13 April, 2013

LAHAD DATU, 13 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak berkata kerjasama antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri amat penting untuk menjayakan operasi Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) dalam usaha menghapus pengganas.

Katanya, pada masa sama kerjasama padu antara Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta agensi penguatkuasaan lain dan sokongan penuh daripada rakyat juga merupakan faktor utama menjayakan objektif ESSCOM.

"Ketiga-tiga dimensi amat penting, yang patut diutamakan bukan soal kuasa siapa, bukan soal siapa dapat nama, bukan soal siapa lebih besar dan siapa lebih. Soalnya kita mesti meletakkan kepentingan rakyat dan negara (sebagai keutamaan)," katanya.

Najib berucap merasmikan Majlis Penghargaan Ops Daulat di Dewan Desa Kencana, Felda Sahabat 16, di sini Sabtu.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Musa Aman, Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Pertahanan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Seri Mohd Shafie Apdal.

Najib yakin dengan trek rekod yang amat baik dalam hubungan antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri Sabah, agensi yang bergerak di bawah ESSCOM dapat dipastikan berjalan dengan lancar.

Katanya, berasaskan kepada permuafakatan yang telah dipupuk antara PDRM dan ATM di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan, kerjasama itu boleh diterjemahkan untuk memerangi anasir-anasir pengganas, penceroboh bersenjata dan juga petualang-petualang negara.

"Saya yakin kalau kita bertindak di bawah satu integrated command, polis, tentera, Jabatan Pertahanan Awam dan badan yang lain, objektif ESSCOM dan Kawasan Keselamatan Timur Sabah (EZZONE) akan dapat dicapai," katanya.

Najib memberi amaran kepada mana-mana pihak yang merancang membuat kekacauan di negara ini agar jangan memandang ringan iltizam Malaysia dalam usaha menghapus saki baki pengganas Kiram.

Katanya, keadaan di pantai timur Sabah akan dikembalikan kepada keadaan sedia kala dalam masa terdekat bagi memastikan rakyat boleh menjalankan kehidupan harian seperti biasa sementara pelancong dan pelabur dapat kembali ke kawasan pantai timur Sabah.

Najib mengucapkan terima kasih kepada Musa kerana memberi keutamaan kepada keselamatan dan mendahulukan kepentingan rakyat.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=941870>

